



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMBINAAN INSTITUT PERUBATAN FORENSIK NEGARA (IPFN) MERUPAKAN PUSAT KEFUNGSIAN FORENSIK PERTAMA DI ASIA TENGGARA

KUALA LUMPUR - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah meninjau kemajuan kerja pembinaan Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN), Hospital Kuala Lumpur (HKL) di bawah seliaan Pasukan Projek Khas 1, Jabatan Kerja Raya (JKR). Keluasan tapak projek yang berukuran 3.07 ekar ini terletak bersebelahan dengan Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

2. Projek pembinaan IPFN ini telah dimulakan pada 12 Oktober 2022 dan dijangka siap sepenuhnya pada 6 Oktober 2026 ini. Sehingga September 2024 kemajuan fizikal di tapak adalah sebanyak 21.62%. Projek ini dibina oleh syarikat Gadang Engineering Sdn. Bhd., sebuah kontraktor yang dilantik dengan kos bernilai RM188 juta menggunakan kaedah secara reka dan bina.

3. Revolusi industri 4.0 (IR4.0) diimplementasikan dalam pelaksanaan projek ini melalui penggunaan sepenuhnya teknologi Sistem Bangunan Industri (*Industrializes Building System*, IBS) bagi pembinaan blok utama IPFN yang mencapai skor sebanyak 78.1%. Disamping itu, perancangan serta pengurusan kerja-kerja pembinaan di tapak dilaksanakan menggunakan aplikasi *Building Information Modelling* (BIM) bagi memudahkan penyelarasan kerja antara disiplin termasuk kerja-kerja penyenggaraan di masa hadapan.

4. Lebih membanggakan, projek ini telah memperoleh pencapaian pengiktirafan 5 bintang pada tahun 2024 bagi Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Dalam Pembinaan (SHASSIC) dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

5. Selain itu, reka bentuk solar panel di bumbung bangunan merupakan keistimewaan skop pembinaan bangunan ini kerana ia julung-julung kalinya dibina bagi projek di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Panel solar yang akan dibina ini melibatkan 30% keluasan bumbung projek dan dijangka menjana penggunaan elektrik sebanyak 316 kWp dan mampu memberikan penjimatan elektrik sehingga RM99,250 setahun kepada pihak KKM. Ia juga selaras dengan dukungan aspirasi kerajaan dalam penggunaan tenaga boleh guna semula dan ingin menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bebas

karbon pada tahun 2050

6. Secara keseluruhannya, projek ini mempunyai empat (4) skop kerja iaitu membina sebuah blok IPFN setinggi empat tingkat, sebuah blok bangunan *Chemical Integrated Store* (CIS) setinggi dua tingkat, sebuah blok bangunan M&E serta *Chemical Waste Store* setinggi tiga tingkat dan membina bangunan sokongan dan kerja-kerja infra.

7. Direka bentuk dengan keluasan lantai mencakup 18,413 meter persegi, IPFN yang baharu ini bakal dilengkapi dengan kemudahan dewan autopsi bagi Patologi Forensik, bilik autopsi bagi Biosafety Tahap 3 (BSL3), muzium perubatan forensik serta kemudahan penyelidikan dan latihan untuk pegawai perubatan dan kakitangan kesihatan.

8. Menerusi pembinaan IPFN ini, ia bakal menawarkan pelbagai perkhidmatan Perubatan Forensik seperti Patologi Forensik, Klinikal Forensik, Odontologi Forensik, Radiologi Forensik, Makmal Forensik Bersepadu, Bank Tisu dan Tulang serta pejabat bagi Pusat Penyelidikan Transplan Nasional (NTRC). Ini menjadikan bangunan IPFN ini sebuah fasiliti yang menempatkan semua kefungsiian forensik di dalam sebuah bangunan yang sama dan merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan Asia Tenggara.

9. Pelaksanaan projek ini jelas membuktikan komitmen kerajaan dalam menyediakan prasarana dan perkhidmatan kepakaran kesihatan yang terbaik untuk peningkatan taraf perkhidmatan dan penyampaian kepada masyarakat seiring dengan keprihatinan kerajaan untuk menyediakan fasiliti kesihatan terbaik untuk rakyat Malaysia MADANI.

10. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pengurus projek dan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. KKR sangat menghargai kepercayaan yang diberikan oleh KKM kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi pelaksana untuk menyiapkan infrastruktur kesihatan negara ini.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
3 OKTOBER 2024